

JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK)

Jawatankuasa Tatakelola ditubuhkan bagi memastikan tindakan segera, berfokus dan lebih berkesan dapat diambil dalam menangani isu-isu kelemahan tatakelola yang boleh menyebabkan ketirisan wang Kerajaan, pembaziran serta risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Terdapat empat (4) terma rujukan yang akan dibincangkan dalam mesyuarat seperti berikut:-

i) **Dasar Perundangan dan Peraturan Pengukuhan**

- Mengenalpasti, mengkaji serta memperaku pindaan atau keperluan mana-mana dasar/perundangan yang dapat mengatasi kelemahan pengurusan.
- Mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap pelanggaran integriti/rasuah/salah guna kuasa/penyelewengan.
- Mewujud dan mendokumenkan pelan pencegahan.

ii) **Sistem dan Prosedur Kerja**

- Mengenalpasti dan mengkaji kelemahan/keperluan sistem dan prosedur kerja.
- Mengambil tindakan menambah baik sistem dan prosedur kerja.

iii) **Pengukuhan Governans dan Integriti**

- Mengenalpasti isu dan tindakan bersesuaian bagi mencegah pelanggaran integriti melalui inisiatif pencegahan, penggalakan, pembudayaan dan penginstitusian integriti secara terancang.

iii) **Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan**

- Tindakan secara tegas dan adil terhadap sebarang pelanggaran undang-undang, peraturan, prosedur kerja dan kod etika kerja.
- Mengambil tindakan pembetulan dengan segera.

KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PERINGKAT JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN 14.1

KEANGGOTAAN

| | | |
|------------------------|----------|--|
| Pengerusi | : | Ketua Jabatan/Agensi |
| Pengerusi Ganti | : | Timbalan Ketua Jabatan/Agensi |
| Setiausaha | : | Ketua Unit Integriti Jabatan/Agensi |
| Urus Setia | : | Unit Integriti (UI) Jabatan/Agensi Persekutuan |

AHLI-AHLI

Pengarah atau Ketua setiap bahagian dalam jabatan/agensi

Penasihat/Pegawai Undang-undang (jika ada)

Pegawai Unit Audit Dalam (jika ada)

Pegawai Komunikasi Korporat (jika ada)

Ahli-ahli lain mengikut keperluan

Kekerapan Mesyuarat JTK Jabatan/Agensi Persekutuan

Mesyuarat JTK Jabatan/Agensi Persekutuan perlu diadakan tiga kali setahun pada bulan Februari, Jun dan September setiap tahun.

Peranan dan Tanggungjawab JTK Jabatan/Agensi Persekutuan

- (i) Memantau pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JKKTN/JTK Peringkat Nasional bagi pelaksanaannya di peringkat jabatan/agensi persekutuan;
- (ii) Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan tatakelola berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- (iii) Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan tatakelola kepada JTK Peringkat Kementerian.